

24/09/1999

Pertabalan penuh istiadat

KUALA LUMPUR, Khamis - Istiadat pertabalan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 diadakan di Balairong Seri, Istana Negara, hari ini.

Keberangkatan masuk Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah ke Balairong Seri menuju ke singgahsana untuk upacara pertabalan, diiringi tiupan nafiri dan paluan nobat lagu 'Raja Berangkat.'

Upacara dimulakan dengan mempersembahkan al-Quran kepada Seri Paduka diikuti dengan Datuk Paduka Maharaja Lela Datuk Zubir Ali mempersilakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membaca surat Perisytiharan Pertabalan.

Alat-alat kebesaran istiadat pertabalan iaitu al-Quran, Keris Kerajaan, surat perisytiharan dan warkah ikrar dibawa masuk ke Balairong Seri diikuti paluan nobat lagu 'Menjunjung Duli'.

Istiadat itu disaksikan oleh Putera Mahkota Brunei Darussalam yang mewakili Sultan Brunei; Raja-Raja Melayu; Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan; Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri; Pemangku Raja Selangor dan Raja Perlis; Pemangku Yang Dipertua Negeri Sarawak serta Tengku Mahkota Johor.

Menteri-menteri Kabinet dan wakil-wakil negara asing turut hadir.

Sebelum ke Balairong Seri, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memeriksa kawalan kehormat di perkarangan Istana Negara.

Sultan Salahuddin, 74, dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 26 April lalu oleh Raja-Raja Melayu, menggantikan Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman yang menamatkan tempoh pemerintahan Seri Paduka pada 25 April.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri akan menghadiri beberapa majlis sempena sambutan pertabalan selama lima hari.

Petang ini, Yang di-Pertuan Agong merasmikan pameran 'Raja Kita' di Muzium Negara sebelum Seri Paduka berdua menghadiri majlis tahlil dan doa selamat di Masjid Negara.

Pada sebelah malam, Seri Paduka berdua menghadiri jamuan teh meraikan kanak-kanak di The Mines, Sri Kembangan dan majlis jamuan diraja di Istana Negara.

(END)